



**MAJLIS DAERAH BACHOK**

**16300 BACHOK, KELANTAN**

**DARUL NAIM.**

**TEL : 09 - 77 87 636 FAX : 09 - 77 89 533**

**LAMAN WEB : www.mdbachok.gov.my**

Bahagian Pentadbiran

Bahagian Kesihatan & Persekitaran

Bahagian OSC

Bahagian Kewangan

Bahagian Perancangan &

Bangunan

Bahagian Teknikal (Projek)

Bahagian Penilaian & Cukai Pintu

E-mail : mdb@mdbachok.gov.my

09 - 77 87 621 / 28

09 - 77 87 622 / 31

09 - 77 87 632 / 31

09 - 77 87 624 / 30

09 - 77 87 625 / 31

09 - 77 87 626 / 29

09 - 7787627 / 27



Ruj. Kami : MDB 621/1/19/Jld.13 (1)

Tarikh : 28hb Mac 2011

15 Rabiulakhir 1432H

**IKLAN TAWARAN KERJA**  
**SEBUTHARGA BIL. 01/11**

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi melaksanakan kerja berikut:

**'MENAIKTARAF GERAI MAKANAN DAN MINUMAN  
DI PEKAN JELAWAT, BACHOK'**

2. Kontraktor-kontraktor yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh PKK dan CIDB adalah dipelawa untuk membuat lawatan tapak pada **05hb. April, 2011 (Selasa), jam 3.00 petang.** (Berkumpul di Pejabat Majlis Daerah Bachok).
3. Borang sebutharga dan spesifikasi kerja berkaitan akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil yang dilantik dan boleh dibeli di pejabat ini dengan harga **RM30.00** tiap-tiap satu. Kontraktor-kontraktor mestilah juga berdaftar dengan Majlis Daerah Bachok bagi tujuan di atas dan diwajibkan untuk menghadiri lawatan tapak.
4. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi mestilah ditandakan dengan **'Sebutharga Bil. 01/11'** pada sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di pejabat ini serta dituliskan alamat seperti berikut:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH BACHOK  
16300 BACHOK, KELANTAN.**

pada atau sebelum pukul **12.00** tengahari pada **12hb April 2011 (Selasa).**

5. Pihak Jawatankuasa Tender dan Sebutharga Majlis Daerah Bachok tidak terikat untuk menerima/memilih tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sekalipun.

Sekian, terima kasih.



**(SHAHRIN BIN ABDULLAH)**  
SETIAUSAHA  
MAJLIS DAERAH BACHOK.

- s.k :
1. *YABrs. Yang DiPertua  
Majlis Daerah Bachok.*
  2. *Ahli Jawatankuasa Tender/Sebutharga  
Majlis Daerah Bachok.*
  3. *Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Kelantan.*
  4. *JPS, Bachok.*
  5. *Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok.*
  6. *JKR, Bachok.*